

13 OCT 2001

Mahathir-Amerika

ADA ORANG KERUHKAN HUBUNGAN MALAYSIA-AMERIKA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ada pihak sedang cuba mengeruhkan hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat, termasuk menyalahafsirkan kenyataan beliau berikutan serangan udara Amerika terhadap Afghanistan.

"Mereka membuat pelbagai jenis laporan mengenai kenyataan saya yang lari daripada konteks sebenar," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Paya Indah Wetlands di Kuala Langat dekat sini.

Dr Mahathir menegaskan bahawa Malaysia bukanlah anti Amerika tetapi hanya tidak bersetuju dengan cara Amerika bertindak balas menentang Afghanistan.

" Jika kita anti Amerika, kita tidak akan menyokong usaha untuk memburu pengganas," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai hubungan baik dengan Amerika dan mahu berbaik-baik dengan semua negara termasuk Afghanistan.

Pejabat Perdana Menteri Selasa lepas meminta wartawan Associated Press dan agensi berita itu supaya menyiarkan permohonan maaf kepada Dr Mahathir mengenai laporan tidak betul yang memetik kenyataan beliau mengenai serangan terhadap Afghanistan yang diketuai Amerika .

AP pada Khamis mengakui ia telah memetik Dr Mahathir sebagai berkata di luar konteks sebenarnya dalam satu laporan oleh wartawan Sean Yoong.

" Apabila (Dr) Mahathir berkata beliau akan menyokong penyerang jika mereka merempuh Israel sebagai pelaku keganasan terhadap rakyat Palestin, beliau merujuk kepada serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept bukan terhadap pasukan tentera Amerika atau British," menurut laporan dalam talian AP itu.

"Kita tidak mengasihi Taliban tetapi kita menyukai Afghanistan. Kita tidak mempunyai perasaan sukakan Taliban. Kita tahu Taliban melatih rakyat Malaysia untuk menggulingkan kerajaan ini. Bagaimanapun terdapat rakyat di Afghanistan yang bukan pengikut Taliban tetapi mereka tiada pilihan lain," katanya.

Mengenai bukti yang diberikan Amerika yang mengaitkan Osama bin Laden dan rangkaian Al Qaedanya dengan serangan pada 11 Sept terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan Pentagon, Dr Mahathir berkata: "Kita yakin mengenai keganasan yang didakwa dilakukan mereka ini."

Beliau berkata Malaysia boleh menerima penjelasan Amerika mengenai rangkaian Al Qaeda walaupun mereka tidak memberikan bukti sepenuhnya

Dr Mahathir turut mengakui terdapat keganasan di Malaysia.

"Mereka menyerang kita dan bukan Amerika...berilah kita maklumat," katanya merujuk kepada satu laporan New York Times bahawa Malaysia, Indonesia dan Filipina merupakan kemungkinan sasaran bagi tindakan anti pengganas Amerika pada masa depan.

Dr Mahathir juga berkata lama sebelum serangan pada 11 Sept di New York dan Washington, Malaysia telah mengambil tindakan terhadap mereka yang mahu melakukan keganasan di negara ini.

Beliau turut ditanya mengenai satu artikel tulisan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam edisi terbaru majalah Time.

Antara lain, Anwar, yang kini menjalani hukuman penjara 15 tahun kerana salahguna kuasa dan liwat, menulis bahawa di Malaysia, media kawalan kerajaan telah digunakan untuk membangkitkan sentimen anti Amerika, sementara anggota elit politik menggunakan bahasa berlainan bagi diplomasi antarabangsa.

Dr Mahathir menyoal balik: "Adakah dia menyokong kumpulan Al Maunah dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang telah dikaitkan kerana membunuh anggota Dewan Undangan Negeri (Kedah) Dr Joe Fernandez dan meletupkan bom?"

Beberapa anggota Al Maunah sedang dibicarakan kerana melancarkan perang berikutan rompakan senjata dari sebuah kem tentera di Perak tahun lepas sementara kerajaan telah mengesahkan bahawa beberapa anggota KMM pernah mendapatkan latihan ketenteraan di Afghanistan.

"Jika dia menyokong mereka, sila katakan secara terus terang. Dia boleh berkata apa yang dia suka," kata Perdana Menteri.

Merujuk kepada artikel Anwar itu, Dr Mahathir berkata Malaysia telah digelar sebagai negara yang tidak demokratik dan menindas tetapi banduan boleh pula menulis artikel untuk media asing.

-- BERNAMA

DC AU RON